

# 26.5j divaksinasi fasa pertama

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Seramai 26.5 juta atau 80 peratus individu akan menerima vaksin percuma menerusi pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan yang bermula hujung bulan ini.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, program itu melibatkan tiga fasa iaitu fasa pertama membabitkan sejumlah 500,000 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada petugas kesihatan dan petugas bukan kesihatan.

Menurut beliau, fasa itu penting untuk melindungi *frontliners* yang berdepan ancaman Covid-19 dengan pelaksanaannya dijadualkan tamat pada April.

Kata beliau, fasa kedua melibatkan kumpulan berisiko dijangkiti Covid-19 iaitu warga emas dan golongan rentan berusia 60 tahun dan ke atas yang mengalami masalah morbiditi seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi.

"Golongan orang kelainan upaya (OKU) turut termasuk dalam fasa ini. Sebanyak 9.4 juta orang dianggarkan akan menerima vaksin pada fasa kedua, yang akan berlangsung April hingga Ogos," kata beliau.

Fasa ketiga, Muhyiddin berkata, individu dewasa beru-

**Fasa ini penting untuk membentuk perlindungan kelompok atau herd immunity dan seterusnya mengawal pandemik secara menyeluruh."**

MUHYIDDIN YASSIN

mur 18 tahun dan ke atas akan dimulakan dari Mei 2021 hingga Februari 2022.

"Fasa ini penting untuk membentuk perlindungan kelompok atau *herd immunity* dan seterusnya mengawal pandemik secara menyeluruh," kata beliau pada perutusan khas semalam.

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan program itu lancar, teratur serta memudahkan orang ramai, lebih 600 pusat pemberian vaksin dibuka di seluruh negara.

Tambahnya, Kabinet melantik Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin sebagai Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan.

Sementara itu, Muhyiddin meminta semua pihak berhenti melemparkan tohmahan terhadap keprihatinan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dalam memperkenankan Proklamasi Darurat.

Menurut beliau, kerajaan mendapat perkenan selepas Seri Paduka Baginda berpuas hati bahawa penularan wabak Covid-19 berada di tahap kritikal dan perlunya pelaksanaan darurat selaras dengan keputusan Jemaah Menteri.

Kata Perdana Menteri, Proklamasi Darurat yang dimasyhurkan Yang di-Pertuan Agong adalah bertujuan memberikan bidang kuasa tertentu kepada kerajaan untuk mengurus pandemik Covid-19 dengan lebih cepat, cekap dan berkesan.

"Proklamasi Darurat Yang di-

Pertuan Agong tidak mempunyai tujuan lain selain membendung penularan Covid-19," kata beliau.

